



## Siri Wacana KITA 3/2022

### Resensi Buku:

**PILIHAN RAYA DEMOKRASI MALAYSIA: TANDING, PILIH,  
TADBIR DAN MENANG**

### Pengulas:

**Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin FASc,  
KITA-UKM**

**Prof. Madya Dr. Chang Peng Kee, MENTION, UKM  
Cik Tricia Yeoh, IDEAS**

### Moderator:


**Dr. Muhamad Nadzri bin Mohamed Noor,  
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa,  
UKM**

**22 Februari 2022 (Selasa)  
10.00 pagi - 12.00 tgh  
Zoom & Facebook Live KITA**

## PROGRAM

10.00pg – 10.05pg	Kata Pembukaan oleh Moderator
10.05pg – 10.20 pg 10.20 pg – 10.40 pg	<b>Pengarang buku:</b>  Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman Dr. G. Manimaran
10.40 pg – 11.00 pg	Ulasan Buku:  <b>Pengulas 1</b> Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin FASc, Pengarah Pengasas, Institut Kajian Etnik (KITA)
11.00 pg - 11.15 pg	<b>Pengulas 2</b> Prof. Madya Dr. Chang Peng Kee, Pusat Kajian Media dan Komunikasi, UKM
11.15 pg - 11.30 pg	<b>Pengulas 3</b> Tricia Yeoh, CEO <i>Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)</i>
11.30 pg – 12.00 tgh	Sesi soal jawab
12.05 tgh	Tamat

Siri Wacana KITA memberi ruang kepada sarjana dan pelajar pasca siswazah mengetengahkan buah fikiran mereka mengenai pelbagai isu sosial berkait dengan etnik. Hasil daripada wacana tersebut dapat dipertimbangkan untuk penerbitan dalam Siri Kajian Etnik UKM. Untuk maklumat lanjut sila hantarkan e-mel kepada [rachelchansuetkay@ukm.edu.my](mailto:rachelchansuetkay@ukm.edu.my)



Buku ini memperincikan setiap proses dalam pengurusan pilihan raya yang secara keseluruhan terdiri daripada lebih 30 peringkat atau fasa tindakan, yang wajar dihayati oleh setiap pemegang taruh. Bagi memenuhi hasrat itu, buku ini menghidangkan fakta-fakta yang menarik berserta kronologi, foto dan ilustrasi nostalgia pilihan raya peringkat Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri dari tahun 1955 sehingga 2020 – merangkumi susur galur lebih 60 tahun. Ini termasuklah keputusan penuh Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) sebagai rujukan khusus bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15 dan Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-12. Buku ini dibahagikan kepada 15 bab iaitu huriahan mengenai Kerajaan dan Pilihan Raya, Sistem dan Proses Pilihan Raya, Undang-undang dan Peraturan, Penamaan Calon, Daftar Pemilih, Kempen Pilihan Raya, Tempat Mengundi, Pengundian, Pengiraan Undi, Selesainya Pilihan Raya dan Petisyen Pilihan Raya. Karya ini yang dibahagikan kepada tiga komponen utama turut mengupas detik-detik menarik sepanjang lebih tiga tahun lalu sejak PRU-14.

## PENGARANG:



**TAN SRI AB. RASHID AB. RAHMAN**, anak kelahiran Kelantan dan graduan jurusan sastera dan perkhidmatan awam dari Universiti Malaya (UM), mempunyai pengalaman selama 44 tahun dalam perkhidmatan awam (pegawai tadbir dan diplomatik) pada tahun 1967. Sebahagian besar tempoh itu telah diabadikan dalam pengurusan pilihan raya sebagai Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (1979-1995) dan kemudian dilantik sebagai Pengurus SPR dari tahun 1999 hingga 2008. Selain berpengalaman luas dalam politik tanah air, beliau juga pernah menganggotai Lembaga Penasihat Commonwealth Secretariat Political Division dan Penasihat Fakulti Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman. Pada tahun 2018, beliau dilantik sebagai Pengurus

Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC), yang diberi amanah oleh Kerajaan untuk mengkaji sistem dan undang-undang pilihan raya di Malaysia. Beliau telah menghasilkan beberapa buku, termasuk *Conduct of Elections In Malaysia* dan *Penjalanan Pilihan Raya di Malaysia* pada tahun 1994 dan *Electoral Reforms, Facts and Fallacies* pada tahun 2013.



**DR. G. MANIMARAN** memulakan kerjaya sebagai wartawan pada tahun 1991, antara lain lapangan fokus penulisan beliau adalah politik, pilihan raya dan kesatuan sekerja. Sepanjang kerjaya sebagai wartawan selama 22 tahun telah membuat liputan dan menghasilkan tulisan berkaitan pilihan raya sejak 1991. Pernah berkhidmat sebagai penasihat media dan komunikasi korporat di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Institut Integriti Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, pernah berkhidmat sebagai pegawai komunikasi dan media Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (2015-2016) dan Ahli Tetap ERC (2018-2020). Selain menghasilkan dan menyunting berita dan rencana dalam pelbagai akhbar, portal dan majalah, juga secara bersama telah menyumbangkan bab di bawah judul "Malaysian Journalists" untuk buku *The Global Journalist in the 21st Century* (2012) dan bab di bawah tajuk "Political Communication Practices and Research in Malaysia: An Overview" dalam buku *Political Communication in Asia* (2009), selain merupakan ahli jawatankuasa penerbitan buku Lambang Harapan terbitan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSSM) (2001), buku gaya Gaya Bahasa dan Ejaan Utusan (2003) dan Seribu Wajah Dr. Mahathir (2003) serta penyunting buku *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme*, dan Tok Mat Pejuang Sejati.